

Ucuptama

Memperelok Budi Memperindah Bahasa: Kepelbagaian Struktur Cerminan Kecekapan Penutur

Prof. Dr. Zaharani Ahmad

Timbalan Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia

Abstrak

Berdasarkan pangkalan data korpus UKM-DBP, penggunaan bahasa Melayu dizahirkan dengan pelbagai bentuk dan struktur. Kepelbagaian struktur menggambarkan kerencaman, keanekaragaman dan keindahan bahasa Melayu serta ketinggian akal budi penuturnya. Kepelbagaian struktur juga mencerminkan kecekapan dan kebijaksanaan penutur natif menggunakan bahasanya ketika berinteraksi dan berkomunikasi. Kepelbagaian struktur ini juga memperlihatkan keindahan bahasa Melayu secara luaran, tetapi turut menyerlahkan kecekapan dan kebijaksanaan penutur jatinya. Justeru, kertas kerja ini ingin menyarankan agar kepelbagaian struktur ini diterima dan rumus yang mengawalinya digabungkan bersama rumus baku yang sedia ada. Sekiranya perkara ini dapat diterima dan dipraktikkan, maka tujuan memperlengkapkan sistem nahu bahasa Melayu dapat direalisasikan. Pada masa yang sama kepelbagaian struktur dalam bahasa Melayu ini dapat menyerlahkan ketinggian akal budi penuturnya dan keindahan bahasa yang dapat dihayati dan dihargai.



PENGENALAN

Bagi masyarakat Melayu, hubungan antara budi dengan bahasa itu amat erat ikatannya. Keeratan ini tergambar pada peribahasa dan juga pantun Melayu yang berbunyi 'orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa', 'yang kurik itu kundi, yang merah itu saga, yang cantik itu budi, yang indah itu bahasa'. Baris ketiga dan keempat dalam pantun ini bertepatan sekali dengan tema seminar yang dianjurkan. Sehubungan itu, kertas ini akan membincangkan dan membahaskan apakah yang dimaksudkan oleh klausa 'yang cantik atau elok itu budi' dan 'yang indah itu bahasa' dalam konteks bahasa dan masyarakat Melayu. Dalam perbincangan seterusnya, penulis akan menghujahkan bahawa budi yang elok itu menggambarkan kecekapan dan kebijaksanaan penuturnya, manakala bahasa yang indah itu terzahir pada kepelbagaian struktur yang diterbitkannya. Dalam usaha memperelok budi dan memperindah bahasa, kertas ini menyarankan aspek kepelbagaian struktur ini diterima sebagai sebahagian daripada aspek nahu bahasa Melayu agar keelokan budi dan keindahan bahasa Melayu dapat dihayati dan dihargai.

Kata 'budi' berasal daripada bahasa Sanskrit 'buddhi' yang bermaksud kepintaran atau kebijaksanaan (Asmah, 2007). Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), 'budi' diberi pengertian sebagai (1) akal, kebijaksanaan; (2) perangai, akhlak, tingkah laku, kelakuan, watak; (3) sifat baik, perbuatan baik, kebajikan. Untuk tujuan kertas ini, penulis mengambil pengertian (1), iaitu akal dan kebijaksanaan sebagai asas perbincangannya. Kepintaran atau kebijaksanaan itu berkait rapat dengan akal dan pemikiran manusia. Oleh yang demikian kita juga sering menggunakan 'akal budi' bagi menyatakan maksud pemikiran.

Pada hemat penulis, 'budi yang elok' membawa maksud pemikiran yang baik dan bertahap tinggi yang mencerminkan kebijaksanaan dan secara langsung menampilkan sifat, tingkah laku dan akhlak yang baik penuturnya. 'Bahasa yang indah' pula bermaksud bahasa yang digunakan itu mempunyai nilai dan mutu yang tinggi, iaitu baik dari segi struktur tatabahasanya, beradab dan bersopan penyampaian, serta dapat menyampaikan maksud yang dikehendaki dengan berkesan. Keelokan budi dan keindahan bahasa Melayu terserlah pada kepelbagaian struktur yang dijana dan dihasilkan oleh penuturnya. Sehubungan itu, sekiranya kita ingin memperelok budi dan



memperindah bahasa Melayu, maka kepelbagaian struktur ini perlu diteliti dan dianalisis serta disimpulkan dalam bentuk rumus nahu, dan seterusnya digabungkan dengan rumus standard yang sedia ada bagi tujuan menambah baik dan memperlengkapkan sistem nahu bahasa Melayu.

BAHASA SEBAGAI FENOMENA SOSIAL

Bahasa dari sudut ilmu linguistik didefinisikan sebagai satu sistem perlambangan yang bersifat arbitrari yang digunakan oleh masyarakat sebagai alat untuk berkomunikasi. Dua kata kunci utama dalam definisi tersebut ialah sistem dan masyarakat. Secara umumnya, sistem itu adalah peraturan yang menentukan dan mengawal perilaku kebahasaan, iaitu bermula daripada bagaimana bunyi disatukan bagi membentuk suku kata, suku kata digabungkan membentuk perkataan, perkataan disusun membentuk frasa, dan frasa distrukturkan membentuk ayat. Setiap bahasa itu mempunyai sistemnya yang tersendiri.

Dalam ilmu linguistik, peraturan-peraturan yang menjadi asas kepada sistem kebahasaan itu dinamakan nahu atau tatabahasa. Sejak dari dahulu lagi bahasa yang dikaji oleh ahli linguistik adalah bahasa alamiah yang digunakan oleh manusia atau masyarakat. Sehubungan itu, dalam konteks pembikinan nahu sesuatu bahasa, peraturan yang diperikan itu haruslah berdasarkan bahasa sebenar yang digunakan oleh masyarakat bahasa tersebut, dan bukannya peraturan bahasa yang diintuisikan oleh pengkaji sendiri sebagai mewakili masyarakat berkenaan. Seperti yang ditegaskan oleh Leech (1992), kajian bahasa dewasa ini tidak lagi berdasarkan data bikinan menurut intuisi pengkaji semata-mata, tetapi berasaskan data penggunaan sebenar bahasa daripada masyarakat penutur dalam pelbagai konteks dan wacana penulisan. Kajian linguistik yang memanfaatkan data seperti ini dikenali sebagai linguistik korpus, iaitu pengkajian bahasa yang berdasarkan contoh penggunaan bahasa yang 'hidup dalam alam nyata sebenar' (McEnery dan Wilson, 2001).

Hubungan antara nahu, bahasa dan masyarakat adalah saling berkaitan, iaitu nahu menghuraikan bahasa yang digunakan oleh masyarakatnya, dan masyarakat pula menggunakan bahasa seperti yang dihuraikan dalam peraturan nahunya. Hubungan ini juga secara tidak langsung menjadikan



bahasa itu sebagai satu fenomena sosial yang ciri dan sifatnya ditentukan oleh masyarakat. Salah satu daripada sifat tersebut adalah wujudnya bentuk dan struktur bahasa yang pelbagai yang digunakan oleh penutur yang pelbagai dalam situasi yang pelbagai untuk menyampaikan maklumat dan buah fikiran mereka sama ada secara lisan mahupun tulisan. Ciri dan sifat kepelbagaian ini tidak boleh dipinggirkan dan perlu diberi pertimbangan dalam pengkajian bahasa, khususnya dalam pembikinan nahu atau tatabahasa.

BUDI YANG ELOK DAN BAHASA YANG INDAH

Kata 'elok' dan 'indah' tergolong dalam kelas kata adjektif pancaindera yang secara umumnya dianggap bersifat sinonim. Namun dalam pengertian yang lebih khusus dan mendalam, indah menitikberatkan aspek luaran yang dapat dilihat oleh pancaindera, manakala 'elok' menekankan aspek dalaman yang tersembunyi (Braginsky, 1994). Dengan kata lain, bahasa yang indah dapat dilihat dan dicerap dari sudut luaran, manakala budi yang elok perlu ditafsir dari sudut dalaman.

Keindahan bahasa menurut Braginsky (1994) lagi adalah sesuatu yang beraneka ragam (berbagai-bagai) atau sesuatu yang disampaikan dengan bermacam-macam cara, seperti menggunakan perkataan 'berbagai-bagai' 'aneka warna', 'berbanyak ragam' yang membawa maksud 'indah'. Kemudian beliau menegaskan 'indah' itu bukan sekadar 'berbagai-bagai' dan 'banyak ragam' tetapi keanekaragaman itu bersifat teratur dan harmoni.

Keanekaragaman atau kepelbagaian yang dilihat oleh Braginsky (1994) hanya tertumpu pada peringkat perkataan sahaja. Lanjutan daripada gagasan ini, penulis ingin meneliti kepelbagaian dari sudut struktur di peringkat nahu, iaitu morfologi dan sintaksis. Keindahan struktur bahasa yang bersifat luaran ini kemudiannya akan ditafsir dan dihubungkan dengan keelokan budi yang bersifat dalaman yang mencerminkan kecekapan dan kebijaksanaan penutur Melayu kerana mereka sentiasa menggunakan akal fikiran sebelum menggunakan bahasanya, seperti yang dimudahkan oleh Tenas Effendi (2008).

Apa tanda Melayu yang bijak, berfikir dahulu sebelum bertindak,
Apa tanda Melayu beradab, berfikir dahulu sebelum bercakap,
Apa tanda Melayu bertuah, berfikir dahulu sebelum bermadah,



Apa tanda Melayu berakal, berfikir dahulu sebelum berbual

Secara umumnya, bahasa yang indah itu dikaitkan dengan bahasa yang digunakan dalam karya kesusasteraan kerana kata 'susastera' itu sendiri bermaksud seni yang menggambarkan keindahan dengan bahasa (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Justeru, bahan-bahan sastera sama ada dalam bentuk prosa atau puisi dikatakan mempunyai nilai bahasa yang indah kerana pilihan katanya sarat dengan kandungan makna (semantik), binaan frasa dan ayatnya (nahu) kemas dan rapi, serta susunan rentak bunyi vokal dan konsonannya (fonologi) sedap didengari.

Seperti yang telah dinyatakan, bahasa yang indah dalam konteks kertas kerja ini, adalah bahasa yang dicorakkan dengan keanekaragaman dan kepelbagaian bentuk dan struktur dalam proses menyampaikan maksud dan maklumat kepada pembaca atau pendengar. Kepelbagaian ini menunjukkan kecekapan penutur natif itu menggunakan bahasanya dengan bijak dan pintar untuk menyampaikan maksud yang ingin disampaikan dengan tepat dan berkesan. Kepintaran dan kebijaksanaan itu nyata terserlah kerana kepelbagaian yang dizahirkan itu bukan dibuat secara sembarono atau sembarangan tetapi terikat dengan peraturan yang mendasari sistem nahu bahasa Melayu.

PEMBIKINAN NAHU

Definisi nahu bagi ahli bahasa modern, khususnya bagi mereka yang menganuti aliran linguistik generatif, nahu itu terdiri daripada sehimpunan rumus (*a set of rules*). Rumus menyimpulkan peraturan dan pola yang terdapat dalam bahasa melalui pencerapan fenomena yang bersifat nalar, iaitu perilaku bahasa yang berlaku berulang kali dalam korpus yang dikaji. Dengan kata lain, rumus memberikan satu generalisasi linguistik tentang pola yang terzahir pada ciri kenalaran (*regularity*) tersebut. Pola ini bukan bersifat seragam tetapi diindahkannya dengan beraneka ragam bentuk dan struktur.

Sesetengah ahli bahasa atau penahu berpandangan bukan semua struktur yang pelbagai binaan itu boleh diterima. Sebahagian daripadanya dikatakan tidak gramatis kerana struktur tersebut tidak mematuhi peraturan atau rumus standard yang ditetapkan dalam nahu bahasa Melayu. Bagi pengguna atau



penulis pula, kepelbagaian itu adalah seni yang menggambarkan keindahan bahasa dalam pelbagai konteks penggunaannya. Ahli bahasa tidak seharusnya menolak kepelbagaian ini, jika penggunaannya begitu meluas dan produktif, seperti yang ditegaskan oleh Za'ba (2000).

Ada pun tentang kesalahan-kesalahan yang ditunjukkan di sini (seperti memakai 'di', pada 'di waktu ini, di hari ini, di masa sekarang, di zaman itu', dan lain-lain kesalahan lagi), maka jika orang-orang Melayu sendiri sudah bersetuju suka akan dia, nescaya itulah akhirnya akan dikira betul – tiada siapa dapat menahannya walau orang-orang yang ahli bahasa tiada suka sekalipun.

Pada hemat penulis, kedua-dua pandangan di atas ada kebenarannya, iaitu bahasa yang digunakan itu mesti mematuhi peraturan nahu, dan pada masa yang sama kepelbagaian itu juga mesti diterima dan diperakui kewujudannya. Sehubungan itu, sistem nahu yang ingin disarankan adalah nahu yang mengutamakan 'kepelbagaian yang berperaturan'. Kepelbagaian yang berperaturan bermaksud bentuk dan struktur yang digunakan itu bukan bersifat sembarangan tetapi dikawal oleh rumus dan mempunyai fungsi nahu tertentu. Dalam konteks pembikinan nahu, struktur yang memperlihatkan pola yang nalar dan dapat digeneralisasikan dalam bentuk rumus mesti diterima dan menjadi sebahagian daripada aspek nahu bahasa berkenaan. Dalam analisis linguistik, rumus nahu yang baik dan berpada harus menerapkan dua pendekatan berikut, iaitu (i) pendekatan linguistik korpus, dan (ii) pendekatan linguistik hipotetiko-deduktif (Zaharani, 2013).

PENDEKATAN LINGUISTIK KORPUS

Linguistik ialah bidang ilmu yang mengkaji bahasa secara saintifik. Kajian yang bersifat saintifik haruslah berdasarkan data atau korpus yang empiri sifatnya. Kajian bahasa kini tidak lagi berdasarkan data buatan menurut intuisi pengkaji semata-mata, tetapi berasaskan data penggunaan sebenar dari masyarakat penutur dalam pelbagai konteks dan wacana penulisan (Leech, 1992). Data korpus adalah data yang sah, autentik dan kontemporari sifatnya. Kajian linguistik yang memanfaatkan data seperti ini dikenali sebagai linguistik korpus, iaitu kajian yang menggunakan komputer sebagai alat untuk menyimpan,



memproses dan menjana data yang besar yang menjangkau sehingga angka ratusan juta perkataan (Biber, Conrad dan Reppen, 2004).

Kehadiran teknologi komputer yang canggih hari ini menjadikan urusan penyimpanan data korpus lebih mudah dan selamat. Teknologi komputer bukan sahaja mampu menyimpan korpus bahasa yang besar, malah boleh membantu manusia mencapai data dan maklumat dengan cepat dan tepat. Data dan dapatan kajian yang dibincangkan di dalam kertas ini berdasarkan data korpus UKM-DBP (Zaharani, 2013) yang berjumlah 5 juta perkataan. Kelompok data terdiri daripada akhbar, majalah, dan buku yang merangkumi karya fiksiyen dan bukan fiksiyen, seperti yang tersenarai dalam jadual di bawah.

Jadual 1: Komposisi pangkalan data korpus UKM-DBP


KELOMPOK DATA	Peratusan	Jumlah (Juta)
Akhbar	50%	2.50
Utusan Malaysia	(25)	1.25
Berita Harian NSTP	(20)	1.00
Harakah	(5)	0.25
Majalah	30%	1.50
Terbitan DBP	(10)	0.50
Terbitan Luar DBP	(20)	1.00
Buku (Terbitan DBP dan Luar DBP)	20%	1.00
Fiksiyen	(10)	0.50
Bukan Fiksiyen	(10)	0.50
JUMLAH	100%	5.00

PENDEKATAN LINGUISTIK HIPOTETIKO-DEDUKTIF

Sebagai satu bidang ilmu yang bersifat saintifik, linguistik melaksanakan kajiannya mengikut metodologi dan prosedur yang rapi agar dapatan yang ditemui itu menghasilkan satu penemuan yang baik dan berkualiti. Matlamat utama kajian sains ialah pemerolehan ilmu, yakni kita dapat memahami dan menjelaskan fenomena yang berlaku. Starosta (1987) menyatakan bahawa sesuatu kajian saintifik itu berpegang kepada tatakaedah yang dinamakan kaedah hipotetiko-deduktif (*hypothetico-deductive methode*). Kaedah kajian ini terdiri daripada empat tahap yang aktivitiinya saling berhubungan dan bergerak



dalam satu kitaran, iaitu pencerapan (*observation*), hipotesis (*hypothesis*), ramalan (*prediction*), dan ujian (*experiment*). Keempat-empat proses yang terlibat itu dapat direpresentasikan seperti dalam rajah 1 di bawah.



Secara prinsipnya, tatakaedah ini bermula dengan pencerapan, iaitu penyelidik secara berhati-hati memerhati, meneliti, mencerapi dan menanggapi kejadian atau fenomena tentang sesuatu objek yang dikaji bagi melihat perilaku yang bersifat nalar (*regular*) bagi menggambarkan satu pola yang sistematis. Berdasarkan pola tersebut, penyelidik membuat satu hipotesis, yakni penjelasan secara tentatif tentang fenomena yang diperhatikan itu. Penyelidik kemudiannya membuat ramalan, yakni rumusan secara deduktif tentang penjelasan yang dikemukakan tadi. Akhirnya, penyelidik perlu memastikan bahawa ramalan yang dikemukakan itu tepat, sah dan benar, serta tidak dapat disanggah dengan melakukan ujian lanjutan. Sekiranya didapati berlaku percanggahan atau pertentangan, maka penyelidik perlu melakukan pencerapan semula, diikuti dengan menilai kembali hipotesisnya dan seterusnya mengulangi kitaran tersebut sehinggalah tiada percanggahan fakta ditemui (Starosta, 1987; Zaharani, 2013).


Starosta (1987) menegaskan bahawa teori nahu generatif yang dipelopori oleh Chomsky (1957) dan yang menjadi anutan kebanyakan pengkaji bahasa dewasa ini adalah teori nahu yang menerapkan paradigma saintifik hipotetiko-deduktif dalam pengkajiannya. Berdasarkan tatakaedah hipotetiko-deduktif ini, langkah pertama yang dilakukan oleh pengkaji bahasa adalah membuat pencerapan dengan memerhati dan meneliti data bahasa untuk mendapatkan pola perilaku yang bersifat sistematis melalui fenomena kebahasaan



yang bersifat nalar. Kemudian, penyelidik mengemukakan hipotesis untuk menjelaskan pola berkenaan, dan hipotesis ini dikenali sebagai nahu atau tatabahasa. Berdasarkan hipotesis ini, penyelidik memformalisasikan rumus-rumus derivasi formal yang boleh meramalkan kemampuan penutur natif bahasa berkenaan membezakan bentuk dan binaan linguistik yang gramatis dengan yang tidak gramatis. Ramalan yang dibuat oleh rumus ini dijana daripada sistem nahu bahasa berkenaan. Rumus ini kemudiannya perlu diuji dengan data tambahan yang lebih komprehensif bagi menentukan kesahihan, ketepatan dan kebenaran rumus berkenaan.

Setelah dilakukan ujian tambahan, jika didapati rumus dalam sistem nahu itu membuat ramalan yang tidak tepat, maka rumus tersebut perlu diteliti semula dan diperbaiki serta dikemas kini agar ramalannya sentiasa bertepatan dengan data sebenar dalam bahasa berkenaan. Ramalan yang tidak tepat yang dilakukan oleh sesuatu rumus digambarkan oleh dua keadaan berikut: (i) rumus menjana bentuk atau binaan yang tidak terdapat dalam korpus bahasa tersebut dan ditolak oleh penutur natifnya, dan (ii) sesuatu bentuk atau binaan itu wujud dalam korpus bahasa dan diterima oleh penutur natifnya tetapi tidak berjaya diramal oleh rumus yang terdapat dalam nahu berkenaan. Kedua-dua keadaan ini menimbulkan masalah kenahuan kerana berlakunya percanggahan atau konflik antara rumus yang diformalisasikan dengan korpus yang digunakan. Berdasarkan kaedah saintifik hipotetiko-deduktif, proses pengkajian bahasa dan pembikinan nahu dapat dirajahkan seperti di bawah (Starosta, 1987; Zaharani, 2013).

Rajah 2: Linguistik hipotetiko-deduktif



FENOMENA KEPELBAGAIAN STRUKTUR

Dalam sintaksis bahasa Melayu, antara contoh kepelbagaian struktur dapat dilihat pada pasangan ayat aktif dan pasif yang melibatkan kata kerja transitif yang memerlukan dua frasa nama sebagai objek, seperti yang dapat dilihat dalam senarai contoh di bawah.

Kepelbagaian struktur dalam ayat

1. Hasnah membelikan Asri sehelai baju
2. Hasnah membeli sehelai baju untuk Asri
3. Asri dibelikan oleh Hasnah sehelai baju
4. Sehelai baju dibeli oleh Hasnah untuk Asri

Ayat (1) dan (2) diterima sebagai gramatis kerana strukturnya mematuhi rumus nahu bahasa Melayu yang mensyaratkan setiap kata kerja transitif dalam ayat mesti diikuti oleh objek. Kata kerja transitif dalam (1) dan (2) mempunyai dua objek yang dikenali sebagai objek tepat dan objek sipi. Dalam ayat (1), objek tepatnya ialah Asri, dan objek sipinya ialah sehelai baju. Apabila ayat (1) ini ditransformasikan melalui proses penyusunan semula objek, maka terhasillah ayat (2) yang menunjukkan sehelai baju pula menjadi objek tepat dan Asri menjadi objek sipi.

Ayat (3) dan (4) pula dikenali sebagai ayat pasif. Kedua-dua ayat ini juga mengalami perubahan struktur akibat daripada pelaksanaan rumus transformasi pasif yang memindahkan objek tepat ke kedudukan subjek ayat. Dalam ayat (1), Asri yang berfungsi sebagai objek tepat dalam (1) dipindahkan, manakala dalam ayat (4) sehelai baju yang berfungsi sebagai objek tepat dalam (3) dikedepankan. Pelaksanaan rumus transformasi ini boleh ditunjukkan seperti yang di bawah.



Penerbitan ayat pasif daripada ayat aktif

- a. Struktur dalaman bagi ayat aktif transitif yang mempunyai dua objek
[Hasnah]_{FN1} [[membelikan]_{KK} [Asri]_{FN2} [sehelai baju]_{FN3}]_{FK}



Rumus Transformasi

- b. Transformasi penyusunan semula objek tepat dan objek sipi
[Hasnah]_{FN1} [[membeli]_{KK} [sehelai baju]_{FN2} [[untuk]_P [Asri]_{FN3}]_{FP}]_{FK}
- c. Transformasi pasif – objek tepat dipindahkan ke kedudukan subjek
- i. [Sehelai baju]_{FN1} [[dibeli]_{KK} [[oleh]_P [Hasnah]_{FN2}]_{FP} [[untuk]_P [Asri]_{FN3}]_{FP}]_{FK}
- ii. [Asri]_{FN1} [[dibelikan]_{KK} [[oleh]_P [Hasnah]_{FN2}]_{FP} [sehelai baju]_{FN3}]_{FK}

Walaupun nahu bahasa Melayu membenarkan proses transformasi yang melibatkan perubahan struktur, namun pemindahan unsur dalam ayat tersebut tidak boleh dilakukan secara semberono atau sembarangan, seperti dalam contoh-contoh di bawah.

Kepelbagaian struktur dalam ayat yang tidak gramatis

5. *Hasnah membeli untuk Asri sehelai baju
6. *Untuk Asri dibeli oleh Hasnah sehelai baju
7. *Sehelai baju dibelikan oleh Hasnah Asri
8. *Asri sehelai baju dibelikan oleh Hasnah

Kesemua ayat di atas telah mengalami perubahan struktur. Walaupun dari segi hipotetikalnya ayat-ayat ini boleh dijana atau dihasilkan, namun kesemuanya dianggap tidak gramatis kerana binaannya melanggar atau menyalahi rumus nahu bahasa Melayu. Ayat (5) melanggar rumus frasa kerja yang mensyaratkan kata kerja transitif tidak boleh dipisahkan dengan objeknya di dalam ayat (Nik Safiah et. al. 2008; Asraf, 1989). Ayat (6), (7) dan (8) juga ditolak kerana binaannya mengingkari rumus transformasi pasif yang mensyaratkan



hanya objek tepat sahaja yang boleh dipindahkan ke kedudukan subjek ayat. Kesimpulannya, kepelbagaian struktur yang gramatis dan yang tidak gramatis dalam bahasa dipandu dan dikawal oleh rumus nahu. Rumus bukan sahaja dapat menjelaskan mengapa sesuatu ayat itu gramatis, tetapi pada masa yang sama rumus juga dapat menjelaskan mengapa sesuatu ayat itu tidak gramatis. Sekiranya analisis seperti ini dapat dilakukan, maka rumus yang dikemukakan itu dikatakan berpada dan menepati kaedah linguistik hipotetiko-deduktif.

Kepelbagaian struktur yang dibincangkan di atas melibatkan proses transformasi pemindahan unsur frasa nama objek. Seperti yang telah dinyatakan, walaupun unsur boleh dipindahkan, pemindahan itu mesti mematuhi rumus yang telah diterima sebagai standard dan menjadi pegangan, iaitu frasa kerja yang terdiri daripada kata kerja transitif mesti mempunyai objek, dan objek itu tidak boleh tiada atau dipisahkan dengan kata kerjanya kerana kedua-dua unsur tersebut terikat sebagai satu konstituen. Rumus standard ini, walau bagaimanapun boleh diingkari, seperti yang ditunjukkan dalam contoh-contoh berikut:

Kata Kerja Transitif + Objek

9. ... memang mengecewakan rakyat, ” katanya.
10. ... ekonomi yang memalukan Turki.
11. ... bukan saja menyedihkan umat Islam...

Kata Kerja Transitif + Ø

12. ... yang diterima adalah mengecewakan.
13. ... kemelut ekonomi yang memalukan.
14. ... sesuatu yang menyedihkan.

Seperti yang dapat dilihat, kata kerja transitif dalam ayat-ayat (12, 13, 14) tidak mempunyai objek. Struktur ini jelas sekali meningkari rumus binaan frasa kerja transitif bahasa Melayu. Namun begitu, ayat-ayat tersebut masih diterima dan dianggap gramatis kerana perilaku sintaksisnya dapat dijelaskan melalui satu rumus transformasi tambahan, iaitu rumus pengguguran frasa nama objek. Rumus pengguguran frasa nama ini hanya melibatkan segolongan kata kerja transitif yang mempunyai ciri adjektif, iaitu kata kerja itu boleh menerima kata penguat (cth. sangat mengecewakan, amat memalukan,



benar-benar menyedihkan) dan lazimnya kata dasar bagi kata kerja ini ialah kata adjektif (Nik Safiah et. al. 2008).

Penjelasan yang diberikan ini menunjukkan bahawa sesuatu rumus yang dianggap dasar dan baku itu boleh diingkari dalam keadaan tertentu. Struktur yang terhasil masih diterima dan dianggap gramatis sekiranya ada rumus tambahan yang dapat menjelaskan kewujudan struktur berkenaan. Kesimpulannya, dalam sistem nahu bahasa Melayu, struktur frasa kerja transitif itu dikawal oleh dua buah rumus. Rumus pertama menetapkan kata kerja transitif mesti diikuti oleh objek, dan rumus kedua membenarkan kata kerja transitif tanpa objek dengan syarat kata dasar bagi kata kerja tersebut adalah kata adjektif.

Selain daripada maklumat luaran morfosintaksis, seperti yang diuraikan, pada hemat penulis, pengguguran objek dapat ditafsir melalui maklumat dalaman yang ada kaitannya dengan akal budi Melayu. Pengguguran yang berlaku di sini didasari oleh fungsi khusus dan tak khusus dalam pemikiran penutur Melayu. Gagasan khusus dan tak khusus mula dikemukakan oleh Nor Hashimah (2014) dalam usahanya menjelaskan akal budi Melayu melalui analisis tatabahasa dan metafora dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Dalam konteks kepelbagaian struktur ayat (9, 10, 11) dan (12, 13, 14) di atas, dapat ditafsirkan bahawa sekiranya penulis atau penutur ingin menyatakan secara khusus siapakah yang menjadi penderita kepada perbuatan tersebut, maka objeknya dizahirkan secara jelas (cth. ayat 9, 10, 11). Sebaliknya, jika penutur ingin membuat pernyataan secara umum dan tidak khusus, maka objek itu boleh digugurkan (cth. ayat 12, 13, 14). Kesimpulannya, kepelbagaian struktur yang melibatkan pengekalan dan pengguguran objek itu bukan semata-mata bertujuan untuk mempelbagaikan dan memperindah bahasa Melayu tetapi mempunyai fungsi dalaman di akal fikiran penuturnya, iaitu sama ada maksud yang ingin disampaikan itu bersifat khusus atau tidak khusus. Kebijaksanaan ini menggambarkan akal budi Melayu yang cekap menguasai bahasa natifnya.

Huraian di atas menjelaskan kepelbagaian struktur yang diterima dan dianggap gramatis dalam sistem nahu bahasa Melayu. Huraian seterusnya membincangkan kepelbagaian struktur yang tidak diterima dan dianggap tidak



gramatis kerana binaannya dikatakan melanggar rumus dasar bahasa Melayu, walaupun diperakui kewujudannya dalam korpus sangat meluas dan amat produktif. Sebagai usaha penambahbaikan kepada rumus yang sedia ada, kertas ini ingin menyarankan rumus baharu yang didapati mampu menjelaskan perlaku sintaksis yang berlaku.

Satu lagi fenomena kepelbagaian yang berkaitan dengan struktur frasa kerja bahasa Melayu melibatkan kehadiran kata sendi nama 'tentang' atau 'mengenai' selepas kata kerja transitif. Rumus standard menetapkan kata sendi nama tidak boleh hadir selepas kata kerja transitif kerana kehadirannya memisahkan kata kerja transitif dengan objeknya (Nik Safiah et. al. 2008). Rumus yang diutarakan itu ternyata benar kerana bertepatan dengan data yang ditemui di dalam korpus. Namun, pada masa yang sama, terdapat juga data yang menunjukkan kata sendi nama 'tentang' atau 'mengenai' hadir sejeurus selepas kata kerja transitif, seperti yang dapat dilihat dalam contoh-contoh di bawah.

Kata Kerja Transitif + Objek + Kata Sendi Nama + Objek

15. ... sedang menjalankan siasatan mengenai dadah...
16. ... bagi mengesahkan dakwaan mengenai wang...
17. ... akhbar melaporkan berita tentang kejadian...
18. ... ruangan ini membincangkan tajuk tentang penyakit...

Kata Kerja Transitif + Kata Sendi Nama + Objek

19. ... juga membincangkan mengenai pilihan raya...
20. ... pula melaporkan tentang rintihan...
21. ... selalu membicarakan tentang nilai murni...

Ayat-ayat di atas menunjukkan kata sendi nama 'tentang' atau 'mengenai' boleh hadir dalam dua keadaan, iaitu (i) tidak memisahkan kata kerja transitif dengan objek, dan (ii) memisahkan kata kerja transitif dengan objek. Berbeza dengan kes pengguguran frasa nama sebelum ini, kepelbagaian struktur yang melibatkan pemisahan kata kerja transitif dengan frasa nama objek, seperti dalam (19, 20, 21) dianggap tidak gramatis, walaupun penggunaannya sangat meluas dan produktif, seperti yang terakam di dalam data korpus (Zaharani dan Mohd Ra'in, 2008). Sekiranya kita berpegang pada pendekatan linguistik



korpus dan linguistik hipotetiko-deduktif, gejala kepelbagaian yang berlaku di sini haruslah diteliti dan ditangani secara berpadu. Kita perlu mengutarakan rumus tambahan yang boleh menjelaskan kepelbagaian ini, sekiranya kita bertekad untuk memperelok budi dan memperindah bahasa Melayu kerana kewujudannya itu mencerminkan kecekapan dan kepintaran akal budi Melayu.

Sebagai usaha penambahbaikan kepada sistem nahu bahasa Melayu, rumus pengguguran frasa nama yang sedia ada yang melibatkan kata dasar yang terdiri daripada kata adjektif akan diperluaskan perlaksanaannya kepada kata kerja transitif yang mengandungi dua frasa nama (Zaharani dan Mohd Ra'in, 2008). Rumus ini mempunyai motivasi dalaman yang sama yang dapat menjelaskan mengapa pengguguran frasa nama itu berlaku. Sebelum penjelasan dikemukakan, cuba kita teliti dan perhatikan struktur frasa kerja yang terdapat dalam ayat (2) dan (15, 16, 17, 18).

Secara umumnya, pola yang ditunjukkan dalam ayat-ayat tersebut memperlihatkan persamaan dan juga perbezaan. Persamaannya adalah semua kata kerja transitif dalam (1) dan (15, 16, 17, 18) mempunyai dua frasa nama, iaitu frasa nama pertama selepas kata kerja transitif, dan frasa nama kedua selepas kata sendi nama. Perbezaannya pula adalah kata kerja transitif dalam (1) memerlukan kedua-dua frasa nama yang berfungsi sebagai objek tepat dan objek sipi hadir secara wajib, manakala kata kerja transitif dalam (15, 16, 17, 18) memerlukan satu frasa nama objek secara wajib, dan kehadiran frasa nama kedua selepas kata sendi nama yang berfungsi sebagai unsur keterangan secara pilihan.

Dalam kajian Zaharani dan Mohd Ra'in (2008), ketiadaan frasa nama pertama dalam (Kata Kerja Transitif + Kata Sendi Nama + Objek) itu ada kaitannya dengan maklumat dalaman yang didasari oleh fungsi khusus dan tak khusus dalam akal budi penutur Melayu. Berdasarkan analisis teori relevans, frasa nama pertama itu berfungsi sebagai maklumat awal atau maklumat umum yang tidak khusus, manakala frasa nama kedua pula berperanan sebagai maklumat khusus (Zaharani dan Mohd Ra'in, 2008). Sama seperti kes pengguguran frasa nama (objek) sebelum ini, oleh sebab frasa nama pertama itu bersifat tidak khusus, maka ia boleh ditiadakan atau digugurkan secara pilihan kerana maklumat ini telah tersedia ada di dalam ensiklopedia pembaca atau pendengar. Apabila objek ini digugurkan, maka binaan yang terhasil



adalah kata kerja transitif muncul bersama kata sendi nama 'mengenai' dan 'tentang' serta diikuti oleh objek kedua yang berfungsi sebagai objek khusus.

Walaupun objek pertama ini boleh digugurkan, namun penggugurannya bukanlah bersifat bebas yang boleh dilaksanakan kepada semua kata kerja transitif. Pengguguran objek kedua dalam (15) dan (16) (cth. ...sedang menjalankan mengenai dadah..; ... bagi mengesahkan mengenai wang...) didapati tidak pernah berlaku. Pengguguran hanya berlaku pada segolongan kata kerja transitif yang membawa maksud pemberitahuan (cth. menjelaskan, membicarakan, mengumumkan, membincangkan) dan objek yang mengalami pengguguran itu ialah objek yang terdiri daripada kata nama yang membawa maksud maklumat tidak khusus dan bersifat umum (cth. hal, tajuk, perkara), dan maklumat ini tersimpan di dalam pemikiran pembaca atau pendengar (Zaharani dan Mohd Ra'in, 2008). Sekali lagi pemikiran dalaman berhubung dengan maklumat khusus dan tak khusus memainkan peranan penting dalam mengawal pelaksanaan rumus transformasi pengguguran objek dalam bahasa Melayu, dan peraturan ini dikuasai oleh penutur dengan cekap. Kecekapan ini menggambarkan kebijaksanaan akal budi Melayu.

Selain frasa kerja, kepelbagaian struktur juga turut melibatkan frasa nama. Perbincangan seterusnya meneliti frasa nama yang terdiri daripada gabungan kata bilangan yang menunjukkan bilangan tak tentu dengan kata nama bagi mendukung makna nahu 'jamak'. Kata nama itu boleh terdiri daripada kata tunggal atau kata ganda.

Kata Bilangan Tak Tentu + Kata Tunggal

22. ... semua penghulu mukim...
23. ... sesetengah calon menggunakan...
24. ... kebanyakan pengunjung yang...

Kata Bilangan Tak Tentu + Kata Ganda

25. ... semua lesen-lesen perjudian...
26. ... sesetengah orang-orang kampung...
27. ... kebanyakan negara-negara lain...



Salah satu fungsi penggandaan kata nama dalam bahasa Melayu adalah untuk membawa maksud jamak. Sesetengah penahu berpandangan kata nama yang sudah digandakan tidak boleh digandingkan dengan kata bilangan yang menunjukkan bilangan tak tentu yang juga membawa makna leksikal jamak, seperti dalam ayat (22, 23, 24) kerana penggabungan tersebut menghasilkan struktur yang bersifat lewah. Kelewahan adalah perilaku bahasa yang tidak dibenarkan dalam bahasa Melayu dan kekangan atau peraturan ini tidak boleh diingkari pada semua peringkat nahu sama ada binaan frasa mahupun perkataan (Nik Safiah et. al. 2008, Abdullah, 1987, Asraf, 1989).

Kelewahan bermaksud gejala kebahasaan yang memberikan maklumat yang berlebihan daripada yang sepatutnya, dan dalam keadaan tanpa maklumat tambahan tersebut, ujaran berkenaan sebenarnya masih boleh difahami maksudnya dengan tepat (Trask, 1996). Dengan kata lain, kelewahan bermaksud pengulangan maklumat kebahasaan yang tidak membawa sebarang fungsi sama ada pengulangan pada peringkat frasa mahupun leksikal. Dua kata kunci penting dalam isu kelewahan adalah (i) pengulangan dan (ii) tiada fungsi kenahuan.

Struktur dalam (25, 26, 27) dikatakan lewah kerana berlakunya pengulangan maksud jamak dalam binaan tersebut, iaitu pertama, pada kata bilangan tak tentu (makna leksikal jamak) dan kedua, pada kata ganda (makna nahu jamak), dan pengulangan ini tidak membawa sebarang makna atau fungsi tambahan. Binaan yang diterima sebagai baku untuk membawa maksud jamak sama ada 'lesen-lesen' atau 'semua lesen'. Isu kepelbagaian struktur yang melibatkan kata bilangan tak tentu + kata ganda dan kata bilangan tak tentu + kata tunggal ini telah berjaya ditangani oleh Nor Hashimah (2008) dengan menggunakan pendekatan rangka rujuk silang yang berteraskan teori relevans (Sperber dan Wilson, 1995). Data korpus membuktikan bahawa kedua-dua bentuk struktur ini digunakan secara meluas oleh pengguna bahasa, dan penelitian yang mendalam menunjukkan binaan tersebut mempunyai fungsi nahu dan membawa perbezaan dari segi makna dalamannya. Makna dalaman itu membawa maksud khusus dan tidak khusus. Binaan yang terdiri daripada kata bilangan tak tentu + kata nama ganda membawa maksud 'jamak tak khusus', manakala binaan kata bilangan tak tentu + kata nama tunggal membawa makna 'jamak khusus' (Nor Hashimah, 2008).



Makna 'khusus' di sini bermaksud kata nama yang digunakan itu mempunyai rujukan yang jelas dan boleh dibekalkan daripada konteks ayat yang dibincangkan, manakala maksud 'tak khusus' pula merujuk kepada rujukan yang bersifat umum sahaja. Kesimpulannya, kepelbagaian struktur yang timbul hasil daripada gabungan kata bilangan tak tentu + kata ganda itu bukanlah bersifat lewah, sebaliknya mempunyai fungsi nahu dan membawa satu makna dalaman yang tersirat, iaitu 'khusus' dan 'tak khusus', selain daripada makna umum yang difahami secara tersurat, iaitu 'jamak'.

Dari sudut analisis yang lain, proses pengulangan juga dipercayai mempunyai fungsi penting di peringkat dalaman yang bertujuan untuk memberi penegasan, penekanan dan penumpuan kepada pembaca atau pendengar. Seperti yang dinyatakan oleh Harun (1989), pengulangan dalam puisi dan karya-karya sastera bukan sahaja direka semata-mata untuk tujuan keindahan, tetapi untuk memberi penegasan kepada maksud yang ingin disampaikan. Dalam konteks penggandaan ini, pengulangan bertujuan untuk memberi penegasan pada kata nama yang dijamakkan itu. Kesimpulannya, pengulangan yang berlaku dalam struktur yang dikatakan lewah itu sebenarnya mempunyai fungsi dalaman yang tersirat yang bertujuan untuk memberi penegasan. Kecekapan penutur memahami fungsi ini menggambarkan kepintaran akal budi mereka ketika berbahasa. Oleh sebab kelewahan itu ada fungsinya, maka ia harus diterima dan menjadi sebahagian daripada sistem nahu bahasa Melayu, sekiranya kita ingin memperelok budi dan memperindah bahasa Melayu.

Kewujudan struktur yang dianggap lewah ini sebenarnya selalu ditemui dalam pangkalan data korpus bahasa Melayu sama ada di peringkat frasa mahupun perkataan. Kelewahan struktur seterusnya melibatkan frasa adjektif, dan salah satu daripada ciri binaan frasa adjektif adalah penerimaan kata penguat bagi menunjukkan darjah kelebihan. Dalam bahasa Melayu, darjah penghabisan atau superlatif ditandai dengan kata penguat, seperti 'sekali' dan 'paling' (Asmah, 1980; Arbak, 1981; Liaw, 1985; Nik Safiah et. al. 2008). Data korpus menunjukkan bahawa kata penguat ini boleh hadir sebelum atau selepas kata adjektif, atau kedua-duanya sekali (Zaharani 2008b, 2013), seperti dalam senarai contoh yang berikut:



Kepelbagaian struktur dalam frasa adjektif

28. Kata Adjektif + Kata Penguat

... arkeologi prasejarah yang baik sekali. "Formasi bukit batu kapur...
... sekarang ini begitu ketara sekali iaitu mereka menghadapi...
... tapi disebabkan begitu ramai sekali ahli baru, kerja-kerja...

29. Kata Penguat + Kata Adjektif

... bagai hutan seumpamanya yang paling baik diurus di dunia, ...
... jatuhan 16.4 mata itu adalah paling ketara yang pernah dicatat...
... tahun ini, orang Melayu paling ramai menjadi mangsa. Jadi...

30. Kata Penguat + Kata Adjektif + Kata Penguat

... pengguna, cara yang paling baik sekali untuk mendapatkan...
... nutur normal. Perbezaan yang paling ketara sekali ialah penutur...
... kumpulan pekerjaan yang paling ramai sekali di Semenanjung...

Berdasarkan contoh-contoh di atas, binaan frasa adjektif yang membawa maksud 'darjah penghabisan' itu boleh terdiri daripada tiga pola. Walau bagaimanapun, nahu standard bahasa Melayu hanya menerima struktur (28) dan (29) sahaja sebagai gramatis, manakala struktur (30) dianggap tidak gramatis kerana dikatakan bersifat lewah (Nik Safiah et. al. 2008, Asraf, 1989). Dalam binaan frasa adjektif, penggunaan salah satu kata penguat sama ada 'paling' atau 'sekali' sudah memadai untuk membawa maksud 'darjah penghabisan'. Binaan yang menggabungkan kedua-duanya sekali gus dikatakan hanya memberi maklumat yang berlebihan tanpa sebarang penambahan maksud, dan dianggap sebagai lewah.

Sekiranya struktur ini dilihat secara luaran, memang betul maklumat yang diberikan itu bersifat berlebihan dan tidak membawa sebarang fungsi kebahasaan. Namun, jika struktur ini ditafsir secara dalaman, ternyata maklumat yang disampaikan itu mempunyai maksud tersirat, iaitu memberi penegasan kepada 'darjah penghabisan' tersebut. Berhubung dengan struktur frasa adjektif (30) di atas, suatu yang menarik adalah kehadiran kata penguat itu sentiasa mematuhi rumus frasa adjektif bahasa Melayu, iaitu sama ada ia mendahului kata adjektif atau mengikuti kata adjektif. Kita tidak akan menemui frasa adjektif yang menunjukkan kedua-dua kata penguat itu hadir secara berurutan sama ada mendahului atau mengikuti kata adjektif (cth. paling sekali baik, baik sekali



paling). Ini menunjukkan kepelbagaian struktur yang diterbitkan oleh penutur bukan bersifat sembarangan tetapi berperaturan, dan kecekapan ini dapat dikuasai kerana mereka adalah penutur natif bahasa Melayu.

Selain di peringkat frasa, kelewahan juga wujud di peringkat perkataan, misalnya dalam proses penerbitan kata yang melibatkan imbuhan penanda transitif per- dan -kan. Kebanyakan penahu bersetuju bahawa kata dasar yang tergolong sebagai kata adjektif boleh diimbuhkan dengan awalan per- (cth. perbesar) dan juga dengan kedua-dua imbuhan per- dan -kan (cth. perbesarkan) untuk membentuk kata kerja terbitan (Abdullah, 1974, Asmah, 1980, Arbak, 1981, Liaw, 1985). Kemudian, kata dasar terbitan ini diimbuhkan pula dengan awalan meN- yang berfungsi sebagai penanda aktif, dan akhirnya kata terbitan yang terhasil adalah kata kerja aktif transitif. Data korpus menunjukkan proses pengimbuhan yang melibatkan ketiga-tiga imbuhan ini mewujudkan tiga bentuk kata yang berbeza, iaitu (i) meN- bergabung dengan -kan tanpa per-, (ii) meN- bergabung dengan per- tanpa -kan, dan (iii) meN- bergabung dengan kedua-dua imbuhan per- dan -kan.

31. (a). MeN + Kata Adjektif + kan

- ... dia mengemaskan bilik abangnya, dia tidak perlu lagi...
- ... Roslan berhasrat membesarkan lagi perniagaannya dia...
- ... cubaannya hanya untuk mengembangkan bakat seni ...

31. (b). MeN + per + Kata Adjektif

- ... tandatangan digital, memperkemas undang-undang hak cipta,...
- ... Pakistan sengaja memperbesar isu untuk menarik perhatian...
- ... cara ini, mereka dapat memperkembang tulisan Jawi di sekolah...

31. (c). MeN + per + Kata Adjektif + kan

- ... satu usaha memoden dan memperkemas pentadbiran..
- ... hasrat kerajaan untuk memperbesarkan industri perbankan dan...
- ... untuk membantu memperkembangkan agama Allah.

Sama seperti kes sebelum ini, nahu standard hanya menerima (31.a) dan (31.b) sebagai bentuk yang gramatis, manakala (31.c) tidak diterima kerana binaannya bersifat lewah. Kehadiran akhiran -kan yang membawa maksud 'menjadikan' tidak diperlukan dalam (31.c) kerana imbuhan memper- sudah



membawa maksud 'menjadikan lebih atau bertambah'. Kehadiran –kan tidak membawa sebarang makna atau fungsi tambahan. Pola kelewahan yang hampir sama juga berlaku dalam proses penerbitan kata yang melibatkan pengimbuhan dan penggandaan bagi menerbitkan kata terbitan yang mendukung makna nahu 'perbuatan yang berlaku secara bersalingan atau secara berterusan, berpanjangan dan berulang' (Asmah, 1980, Arbak, 1981, Nik Safiah et. al. 2008). Kata kerja terbitan yang membawa maksud di atas boleh dihasilkan melalui proses pengimbuhan dengan apitan ber-an, ataupun gabungan ber-an dengan proses penggandaan.

32. (a). Ber+ Kata Kerja + an

- ... anak-anak kecil tidak berbaju berlarian di tengah halaman...
- ... tentera kita bertembakan dengan pihak musuh...
- ... tetamu yang hadir bersalaman dengan mesra...

32. (b). Ber+ Kata Kerja (ganda) + an

- ... anak-anak itu datang berlari-larian ke padang...
- ... pihak polis bertembak-tembakan dengan perompak yang...
- ... tetamu dari luar negeri bersalam-salaman dengan para wakil kita...

Jika kita berpegang kuat pada pengulangan struktur, kata terbitan dalam (32.b) juga dianggap lewah kerana gabungan antara proses pengimbuhan ber-an dengan proses penggandaan membawa makna yang sama. Namun, dalam kes ini kedua-dua struktur tersebut diterima sebagai gramatis oleh nahu standard. Penelitian yang lebih tuntas dalam pangkalan data korpus menunjukkan kelewahan struktur ini merangkumi pelbagai jenis binaan serta memperlihatkan satu pola yang sistematis dalam bahasa Melayu. Antara binaan yang dianggap sebagai proses pengulangan adalah seperti yang berikut: (i) gandingan dua kata sendi (cth. demi untuk negara), (ii) gandingan dua kata nama (cth. tubuh badan), (iii) gandingan dua kata adjektif (cth. kasih sayang), (iv) gandingan dua kata kerja (cth. sepak terajang), (v) gandingan kata leksikal + kata terbitan (cth. alat pemadam api; proses pembinaan bangunan; hasil tulisan), (vi) gandingan kata leksikal + kata ganda (cth. saling tolong-menolong; pelbagai kuih-muih) (Zaharani 2008b, 2013).



Sekiranya pengulangan itu suatu yang menyalahi peraturan bahasa Melayu, tidak mungkin kesalahan itu dilakukan berulang kali dalam pelbagai struktur oleh penutur natifnya. Justeru, tanggapan yang menyatakan pengulangan itu bersifat lewah dan menyalahi peraturan nahu bahasa Melayu perlu diteliti dan difikirkan semula. Seperti yang telah dijelaskan, pengulangan itu selain daripada bertujuan untuk mempelbagaikan dan mengindahkan bahasa di peringkat luaran, ia juga berperanan untuk memberi penegasan di peringkat dalaman.

KESIMPULAN

Sebagai suatu bahasa semula jadi, bahasa Melayu dicorakkan dan diindahkan dengan bentuk dan struktur yang pelbagai dan beraneka ragam. Kepelbagaian bentuk dan struktur ini adalah sebahagian daripada jati diri bahasa Melayu. Kepelbagaian struktur yang diterbitkan itu bukan sahaja memperlihatkan keindahan bahasa Melayu, tetapi turut menyerlahkan keelokan budi Melayu. Keelokan budi dan keindahan bahasa ini dapat dicerap dan ditafsirkan kerana kepelbagaian yang terhasil itu bukannya bersifat semberono atau sembarangan tetapi berperaturan dan dikawal oleh rumus serta mempunyai fungsi tersirat dalam fikiran. Justeru, sekiranya kita ingin memperelok budi dan memperindah bahasa Melayu, maka kepelbagaian struktur ini harus diterima dan rumus yang mengawalinya digabungkan bersama rumus baku yang sedia ada bagi tujuan memperlengkapkan sistem nahu bahasa Melayu agar ketinggian akal budi dan keindahan bahasa ini dapat dihayati dan dihargai.



RUJUKAN

- Abdullah Hassan (1987). *Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Arbak Othman (1981). *Tatabahasa Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Asmah Haji Omar (1980). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asraf (1989). *Petunjuk Bahasa Malaysia Baku KBSM*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Biber, D. Conrad, S. dan Reppen, R. (1998). *Corpus Linguistics: Investigating Language Structure and Use*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Braginsky V. I. (1994). *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chomsky N. (1957). *Syntactic Structures*. The Hague: Mouton.
- Harun Mat Piah (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Suatu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan (Edisi Keempat)*, (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leech G. (1992). *Corpora and theories of linguistic performance*. Dlm. Jan Svartvik (ed.). *Directions in Corpus Linguistics*. Proceedings of nobel symposium 82. Stockholm: Mouton de Gruyter.
- Liaw Yock Fang (1985). *Nahu Melayu Modern*. Singapura: Pustaka Nasional.
- McEnery A. dan Wilson A. (2001). *Corpus Linguistic: An Introduction (Edisi Kedua)*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Nik Safiah Karim Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa dan Abdul Hamid Mahmood (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin (2008). *Kata ganda bilangan*. Dlm. Zaharani Ahmad (ed.). *Aspek Nahu Praktis Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Nor Hashimah Jalaluddin (2014). *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Sperber D. dan Wilson D. (1995). *Relevance Theory: Communication and Cognition*. Oxford: Basil Blackwell.
- Starosta S. (1987). *Generative Grammar: The Hypothetico-Deductive Science of Language*. Taipei: The Crane Publishing Company.
- Trask R. L. (1996). *A Dictionary of Phonetics and Phonology*. London: Routledge.
- Tenas Effendi (2008). *Kearifan orang Melayu berbahasa. Syarahan Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.



- Zaharani Ahmad (2008a). Data korpus dan nahu praktis. Dlm. Zaharani Ahmad (ed.). *Aspek Nahu Praktis Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Zaharani Ahmad (2008b). Pengimbuhan memper-kan dengan kata adjektif. Dlm. Zaharani Ahmad (ed.). *Aspek Nahu Praktis Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Zaharani Ahmad (2009). Memasyarakatkan kajian morfologi dalam dunia Melayu. *Jurnal Bahasa*. 9(1):118-136.
- Zaharani Ahmad (2013). *Nahu Praktis Bahasa Melayu: Menangani Kepelbagaian, Mencari Keserasian*. Bangi: Penerbit UKM.
- Zaharani Ahmad dan Mohd Ra'in Shaari (2008). Hubungan objek dan kata kerja transitif meN-kan: Analisis data korpus berkomputer Dlm. Zaharani Ahmad (ed.) *Aspek Nahu Praktis Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) (2000). *Pelita Bahasa Melayu Penggal 1-III (Edisi Baru)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

